

DATE: 03/05/1983

# Sihanouk 'kurang percaya' pengunduran tentera Vietnam

KUALA LUMPUR 3 Mei - Presiden Demokratik Kampuchea, Putera Norodom Sihanouk memberitahu Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad pagi ini bahawa beliau "kurang percaya" dengan pengunduran tentera Vietnam yang dikatakan telah dibuat dari bumi Kampuchea.

Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie yang hadir sama dalam perbincangan di antara Putera Sihanouk dengan Perdana Menteri itu memberitahu para pemberita petang ini, bahawa pemimpin Kampuchea itu mensifatkan pengunduran itu sebagai "langkah

perhubungan awam sahaja".

Menurut Tan Sri Ghazali, pemimpin Kampuchea itu berkata bahawa pihaknya tidak nampak banyak hasil daripada cadangan pengunduran itu kerana dahulu Vietnam juga pernah berkata demikian tetapi keadaan tidak berubah.

Ketua Demokratik itu juga memberikan taklimat kepada Datuk Sri Dr. Mahathir mengenai kunjungan beliau ke beberapa kawasan di Kampuchea dan berkata pasukan kerajaan campurannya tidak mengalami apa-apa kecelakaan.

Putera Sihanouk juga mengatakan penghar-

gaan bagi usaha diplomatik yang dilancarkan oleh Malaysia untuk menarik perhatian kepada keadaan buruk rakyat Kampuchea.

Beliau juga tertarik hati dengan penglibatan Datuk Sri Dr. Mahathir dalam soal kebebasan Kampuchea menerusi ucapan-ucapannya di persidangan antarabangsa termasuk Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali di New Delhi.

Di samping itu, Putera Sihanouk juga menyampaikan jemputan Presiden Korea Utara, Kim Il Sung kepada Datuk Sri Dr. Mahathir supaya melawat Pyongyang.


Tan Sri Ghazali memberitahu bahawa Perdana Menteri telah menerima jemputan itu dan Wisma Putra akan menetapkan tarikh lawatan itu kemudian.

Datuk Sri Dr. Mahathir pernah melawat Korea Utara tetapi bukan sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Sementara itu Menteri Luar Indonesia, Profesor Mochtar Kusumaatmadja mensifatkan pengumuman pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea sebagai tidak banyak bererti jika ia tidak disusuli oleh penyelesaian politik.

"Yang penting ialah penyelesaian politik tetapi tanda-tanda ke arah itu belum lagi kelihatan," katanya semasa ditemui di Persidangan Asia mengenai Palestin di sini pagi ini.

Katanya, hari ini tentera Vietnam berundur



PERDANA Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berjabat tangan dengan Presiden Demokratik Kampuchea, Putera Norodom Sihanouk di Kuala Lumpur semalam selepas perasmian Persidangan Asia mengenai Palestin.